

**KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF IBU BAPA KANAK-KANAK KURANG UPAYA  
PEMBELAJARAN: PENGARUH KOMITMEN KEAGAMAAN, HARAPAN TERHADAP  
ANAK, DAN SOKONGAN SOSIAL  
(SUBJECTIVE WELL-BEING AMONG PARENTS OF CHILDREN WITH LEARNING  
DISABILITY: THE EFFECT OF RELIGIOUS COMMITMENT, PARENTS HOPE FOR  
CHILD, AND SOCIAL SUPPORT)**

Calistina Ubeh, Ferlis Bahari, Peter Voo Su Kiong

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan  
Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial  
Universiti Malaysia Sabah*

**ABSTRACT**

*Past studies about parents raising children with disabilities have provided evidence that vary in terms of mental health, which eventually promotes further research focusing particularly on positive aspects such as subjective well-being. Based on positive psychology orientation, this study aims to identify the effects of religious commitment, hope for child, and social support on subjective well-being. A Quantitative study using questionnaire was conducted on a total of 328 parents of children with learning disabilities. The instruments used including Religious Commitment Inventory-10, Parents' Hope for Their Child Scale, Multidimensional Scale of Perceived Social Support, Satisfaction with Life Scale, and the Positive and Negative Affect Schedule. The data were then analyzed using Partial Least Square Structural Equation Modeling (PLS-SEM). Overall, the results showed Hope for child and social support significantly influence parent's subjective well-being, whereas religious commitment only shows a significant effect on positive affect dimension. It can be concluded that religious commitment, hope for child, and social support as a potential predictor which enhance parent's subjective well-being. More effort and systematic study are needed to understand and assist better parents of children with learning disabilities.*

**Keywords:** *Parents of children with learning disability, subjective well-being, religious commitment, parents' hope for child, social support*

**PENGENALAN**

Kajian lepas yang dijalankan ke atas ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya telah menunjukkan bahawa ibu bapa berisiko mengalami tekanan yang tinggi yang akhirnya membawa kepada hasil kesihatan mental yang rendah (Hasting, Kovshoff, Ward, Degli Espinosa, Brown & Remington, 2005; Mosadeh, Boromand, & Narimani, 2014; Plant & Sanders, 2007; Weiss, 2002). Namun begitu, kajian ke atas golongan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya ini telah memberikan bukti yang berbeza-beza dalam aspek kesihatan mental (Lundy, 2011), yang akhirnya menggalakkan lagi penyelidikan yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor pelindung yang dikaitkan dengan penyesuaian psikologi bagi meningkatkan

kesejahteraan (Lundy, 2011). Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh faktor-faktor yang dikonseptualisasikan sebagai faktor pelindung seperti komitmen keagamaan, harapan terhadap anak dan sokongan sosial ke atas kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran.

Kesejahteraan subjektif adalah penting dalam kehidupan setiap individu. Kesejahteraan subjektif sebagaimana yang dinyatakan oleh Diener, Diener, & Diener (1995), merujuk kepada penilaian kognitif dan afektif seseorang individu terhadap kehidupannya. Menurut Wong (2011), skor global kesejahteraan subjektif adalah kurang

bermakna tanpa merujuk kepada pembolehubah-pembolehubah kontekstual dan sejarah masa lalu. Selain memperkayakan dan memberi tenaga kepada kehidupan, kesejahteraan juga menganugerahi kehidupan dengan makna dan kegembiraan. Setiap individu dan keluarga tanpa mengira status ketidakupayaan, khususnya ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya juga mempunyai hak untuk mengalami kesejahteraan dan kepuasan hidup yang lebih baik. Namun begitu, jika ditinjau hasil kajian-kajian lepas mengenai ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya di luar negara, kebanyakan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa yang membesarkan anak yang mengalami ketidakupayaan pembelajaran mengalami tekanan yang tinggi dan kepuasan yang rendah dalam aspek peranan keibubapaan berbanding ibu bapa yang tidak mempunyai kanak-kanak kurang upaya pembelajaran (Smith, 2000; Shechtman & Gilat, 2005), serta mengalami kadar kemurungan yang tinggi (Glidden & Schoolcraft, 2003; Sawyer, Bittman, Greca, Crettenden, Harchak & Martin, 2010). Kajian juga menunjukkan secara konsisten bahawa ibu bapa dan ahli keluarga yang menjaga sama ada anak yang mengalami ketidakupayaan intelektual atau fizikal sering mengalami tahap tekanan yang tinggi berbanding mereka yang tidak menjaga atau membesarkan kanak-kanak bukan kurang upaya (Crnic, Gaze, & Hoffman, 2005; Mailick, Greenberg, Floyd, Pettee, & Hong, 2001; Gallagher & Hannigan, 2014). Kajian-kajian yang lebih menumpukan kepada aspek negatif ini akhirnya membawa kepada pandangan yang tidak seimbang mengenai keluarga yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya. Sebagai contoh, mempunyai kanak-kanak kurang upaya hanya mendatangkan aspek negatif kepada ibu bapa.

Bagi konteks ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya di Malaysia pula, beberapa kajian yang telah dijalankan turut mendapati aspek-aspek negatif yang dialami oleh ibu bapa. Contohnya, kajian Isa et al. (2013) mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai anak yang mengalami ketidakupayaan yang lebih kompleks mengurangkan kualiti hidup dan kefungsiannya keluarga. Hasil kajian Norizan dan Shamsuddin (2010) pula mendapati bahawa masalah emosi seperti kemurungan, dan

kebimbangan mempunyai hubungan positif dengan tekanan yang seterusnya boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibu yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya perkembangan seperti sindrom down. Kajian kes terkini oleh Lineker, Ferlis dan Nurul Hudani (2016) turut mendapati bahawa ibu bapa kanak-kanak kurang upaya fizikal mengalami campuran kebimbangan-kemurungan yang merangkumi simptom seperti gangguan tidur, cepat marah, bimbang, mudah menangis, menjangkakan sesuatu yang negatif berlaku, ketiadaan harapan masa depan, dan juga lima sumber kebimbangan-kemurungan termasuklah kurang sokongan, masalah penerimaan, kekurangan maklumat dan pengalaman, faktor luar bandar dan masalah kesihatan anak. Kajian-kajian yang telah dijalankan ini lebih menekankan kepada aspek-aspek negatif, dan masih kurang kajian yang diketahui mengenai aspek-aspek positif seperti kesejahteraan subjektif khususnya dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya dalam konteks tempatan.

Walaupun kajian-kajian tersebut membuahkan hasil dan mempunyai nilai, namun pada hakikatnya situasi ini boleh membawa kepada hanya memerihalkan pengalaman ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya sebagai patologi dan membebankan. Pandangan yang tidak seimbang ini seterusnya membawa kepada kesulitan-kesulitan lain yang tidak diduga termasuklah menyalahkan anak, stigma ketidakupayaan yang berterusan, dan juga kegagalan untuk memahami perspektif ibu bapa secara menyeluruh (Resch et al., 2010). Oleh itu, masih terdapat keperluan untuk mengenal pasti dan memahami aspek-aspek positif keibubapaan dalam menjalankan peranan mereka membesarkan kanak-kanak kurang upaya seperti kesejahteraan subjektif. Kajian yang berfokus kepada perkara yang membawa kesejahteraan keluarga dan juga faktor-faktor yang berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga merupakan satu keperluan bagi menggambarkan ibu bapa dan keluarga yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya. Hal ini kerana, ibu bapa yang sejahtera dapat membesarkan kanak-kanak kurang upaya dengan lebih baik sebagaimana Fuentes (2012) turut mengaitkan kepuasan hidup ibu bapa yang tinggi dengan penjagaan

yang lebih baik terhadap kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan.

Kajian lepas mencadangkan bahawa aspek keagamaan boleh memainkan peranan yang penting dalam kesejahteraan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya. Beberapa kajian turut menunjukkan bahawa ibu bapa memperoleh kekuatan dan makna daripada kepercayaan yang membantu mereka mengaitkannya dengan kanak-kanak kurang upaya dan mengatasi cabaran akibat ketidakupayaan tersebut (Dollahite, 2003; Poston & Turnbull, 2004). Oleh kerana keagamaan memberikan kesedaran tentang tujuan dan makna kehidupan, keagamaan boleh berfungsi sebagai faktor pelindung ke atas keluarga yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya (Weisner et al., 1991). Beberapa perspektif turut mencadangkan bahawa komitmen keagamaan boleh membawa kepada kesihatan mental yang lebih baik dengan mengurangkan risiko tekanan. Konsisten dengan kenyataan ini, beberapa kajian lepas mengaitkan keagamaan yang tinggi dengan tahap kepuasan dan kebahagiaan personal yang lebih baik (Ellison, Gay, & Glass, 1989), sumber dan mekanisme daya tindak pelindung (Chelsea et al., 2013; Faciane, 2015), ketahanan (Richardson & Stoneman, 2015), mengekalkan kualiti hidup yang lebih baik (Brown et al., 2003) dan mewujudkan persepsi yang lebih positif (Kermanshahi et al., 2008) serta menghasilkan aspek-aspek yang positif seperti penghargaan sendiri yang tinggi, optimis terhadap kehidupan, kemurungan yang rendah dan kepuasan hidup yang tinggi (Ekas et al., 2009). Faktor keagamaan dilaporkan boleh berfungsi sebagai faktor pelindung dalam kalangan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya, namun kenyataan ini tidak jelas menggambarkan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya bagi konteks negara Malaysia kerana keagamaan merupakan konstruk pelbagai aspek yang juga berkemungkinan berkait secara berbeza dengan fungsi-fungsi psikologi khususnya dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya.

Faktor kedua yang diandaikan mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa adalah faktor harapan terhadap anak. Harapan merupakan salah satu emosi positif mengenai masa depan yang boleh dipelajari dan telah banyak

didokumentasikan untuk mengatasi kemurungan (Seligman, 2002). Harapan seperti yang ditakrifkan oleh Snyder, Harris, Anderson, Holleran, Irving, Sigmon et al. (1991) adalah faktor personaliti yang masih kurang dikaji, khususnya aspek harapan terhadap anak dalam kalangan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya. Kenyataan ini dikukuhkan lagi oleh Lloyd dan Hasting (2009) yang menyatakan bahawa, harapan dalam aspek psikologi positif khususnya dalam konteks ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya masih kurang dan kajian-kajian sedia ada juga lebih menekankan kepada pengalaman membesarkan kanak-kanak kurang upaya dari sudut negatif terhadap kesejahteraan. Kajian lepas mengaitkan harapan sebagai faktor pelindung yang penting kepada ibu bapa kanak-kanak kurang upaya dan dilaporkan mempunyai hubungan dengan tingkah laku keibubapaan yang lebih positif (Cooke, 2010; Horton & Wallander, 2001; Kashdan et al., 2002), dan afek positif serta hubungan negatif terhadap kesedihan kronik, kemurungan, dan kebimbangan (Monsson, 2010). Walaupun sudah terdapat kajian yang menunjukkan fungsi harapan ke atas kesejahteraan subjektif (Shenaar-Golan, 2016), namun maklumat mengenai harapan, khususnya harapan ibu bapa terhadap anak yang kurang upaya dalam bidang kesejahteraan subjektif masih terhad. Kajian Monsson (2010) mencadangkan bahawa harapan ibu bapa terhadap anak adalah faktor yang penting dalam daya tindak positif ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya.

Selain itu, faktor sokongan sosial turut dikaji sebagai faktor yang berpotensi mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. sokongan sosial merupakan antara aspek yang telah mendapat perhatian dalam kalangan keluarga yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya dan telah dikaitkan dengan pelbagai faedah kepada kedua-dua kesihatan fizikal dan mental. Walaupun sudah terdapat beberapa kajian yang mengkaji secara langsung faktor-faktor psikologi seperti sokongan sosial (Deris, 2006; Heiman & Berger, 2008; Ha, Greenberg & Seltzer, 2011; Schoeder & Remer, 2007), namun selari dengan saranan Nelson et al. (2014), mengkaji faktor-faktor psikologi yang dikaitkan dengan kesejahteraan perlu dijadikan

sebagai satu keutamaan yang perlu diberikan perhatian. Boyd (2002) mencadangkan bentuk sokongan tidak formal sebagai faktor yang lebih berkesan dalam mengurangkan tekanan berbanding sokongan formal. Kajian kualitatif Hasnah, Virawaty, Mohd. Hanafi, dan Wan Nazilah (2013) mengenai jenis sokongan yang diamati oleh ibu bapa kanak-kanak dengan pelbagai ketidakupayaan di Malaysia turut mendapati bahawa, keluarga masih bergantung kepada sokongan tidak formal daripada ahli keluarga dan rakan. Oleh itu, kajian ini mengandaikan sokongan sosial turut mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa.

Ringkasnya, mengenal pasti dan memahami faktor yang boleh meningkatkan kesejahteraan ibu bapa adalah penting. Usaha dan kajian yang dilakukan ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa antara langkah pertama yang dapat membantu memahami ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran dengan lebih baik. Dengan adanya maklumat sedemikian, langkah seterusnya dapat dilaksanakan bagi membantu ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya mengatasi cabaran-cabaran yang dialami melalui penerapan aspek-aspek positif agar dapat menggalakkan penjagaan yang lebih efektif terhadap kanak-kanak kurang upaya.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Secara keseluruhan, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu pengumpulan data berdasarkan reka bentuk tinjauan menggunakan soal selidik. Secara spesifiknya lagi, kajian rentas digunakan iaitu, data-data dikumpul pada satu titik masa yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Reka bentuk persampelan yang digunakan adalah gabungan tiga jenis persampelan kebarangkalian yang juga dikenali sebagai persampelan rawak pelbagai iaitu, persampelan kelompok dua-peringkat, strata, dan sistematik. Secara keseluruhan, saiz sampel dalam kajian ini adalah seramai 328 daripada 350 soal selidik yang diedarkan. Oleh itu, kadar respons adalah sebanyak 94 peratus.

### **Tatacara Kajian**

Pemilihan responden dilakukan berdasarkan kepada beberapa tatacara. Pertamanya, Pengkaji memohon kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPN). Seterusnya, pengkaji memohon kebenaran daripada pengetua sekolah menengah pendidikan khas integrasi yang terpilih. Pengkaji kemudian mendapatkan responden ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran berdasarkan jumlah dan senarai pelajar bagi tujuan mengedarkan soal selidik. Selanjutnya, soal selidik diedarkan kepada responden melalui prosedur persampelan sistematik.

### **Peserta Kajian**

Seramai 328 orang responden ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran yang dipilih di beberapa buah sekolah menengah pendidikan khas integrasi di Sabah. Secara keseluruhan, responden ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran yang telah menyertai kajian adalah berumur dalam lingkungan 28 sehingga 79 tahun, dengan majoritinya adalah responden wanita iaitu sebanyak 60.4% diikuti dengan lelaki sebanyak 39.6%. Dari segi status perkahwinan, majoriti responden iaitu sebanyak 90.9% melaporkan status berkahwin, diikuti dengan bercerai sebanyak 4.9%, manakala 4.3% adalah berstatus janda/duda. Majoriti responden mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak kurang upaya pembelajaran yang berumur dalam lingkungan 13 sehingga 18 tahun. Kebanyakan responden adalah daripada Bumiputera Sabah sebanyak 79.3%, diikuti dengan Melayu sebanyak 11.0%, Cina sebanyak 6.7%, India sebanyak 3.0% dan Lain-lain sebanyak 2.7%. Tahap pendidikan tertinggi yang dilaporkan adalah pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia iaitu sebanyak 31.7%, diikuti dengan sekolah rendah (25.9%), Penilaian Menengah Rendah (23.2%), ijazah sarjana muda (6.1%), tidak bersekolah (4.6%), diploma (4.0%), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (2.4%), sijil kemahiran (1.8%) dan sarjana (0.3%). Seterusnya dari segi jenis pekerjaan pula, majoriti responden melaporkan bekerja sendiri iaitu sebanyak 34.1%, diikuti suri rumah (32.9%), kakitangan kerajaan (14.6%),

kakitangan swasta (7.9%), lain-lain (5.5%) dan seterusnya buruh kasar sebanyak 4.9%.

### Alat Kajian

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang merangkumi soalan mengenai maklumat demografi responden, Religious Commitment Inventory-10 (Worthington et al., 2003) untuk mengukur komitmen keagamaan, Parents' Hope for Child (Monsson, 2010) untuk mengukur harapan ibu bapa terhadap anak yang mengalami ketidakupayaan, Multidimensional Scale Perceived Social Support (Zimet et al., 1988) bagi mengukur sokongan sosial, serta dua skala iaitu Satisfaction with Life Scale (Diener et al., 1984) dan Positive and Negative Affect Scale (Watson, Clark & Tellegen, 1988) bagi mengukur kesejahteraan subjektif.

### Analisis Statistik

Data-data yang telah diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah pengukuran statistik yang sesuai. Kaedah analisis yang digunakan adalah analisis inferensi menggunakan Partial Least Square Equation Modelling (PLS-SEM) bagi pengujian hipotesis. Penilaian model struktur dilakukan bagi mengkaji pengaruh faktor komitmen keagamaan, harapan terhadap anak, dan sokongan sosial ke atas kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran dengan menggunakan perisian SmartPLS 2.0.

## HASIL KAJIAN

### Keputusan Pengujian Hipotesis

Pengujian pengaruh langsung dalam kajian ini secara umumnya dilakukan mengikut cadangan Hair et al. (2014) iaitu, menggunakan kaedah bootstrapping dalam smartPLS. Bootstrapping sebanyak 500 sampel semula telah digunakan untuk menguji signifikan setiap sembilan hipotesis pengaruh yang dibentuk. Penilaian terhadap model struktur dilakukan berdasarkan pendekatan yang disyorkan oleh Hair et al. (2014) iaitu, penilaian signifikan pengaruh-pengaruh model struktur,  $R^2$ , kesan saiz ( $f^2$ ), dan predictive relevance ( $Q^2$ ). Nilai  $R^2$  bagi setiap komponen pemboleh ubah kesejahteraan subjektif dalam kajian ini dinilai berdasarkan

kepada nilai  $R^2$  Cohen (1988) iaitu daripada kecil (0.02 – 0.12), sederhana (0.13 – 0.25) dan tinggi (0.26 dan ke atas). Jadual 1 menunjukkan hasil analisis bagi pengaruh faktor komitmen keagamaan, harapan terhadap anak, dan sokongan sosial ke atas tiga dimensi kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran iaitu kepuasan hidup, afek positif dan afek negatif.

Berdasarkan Jadual 1, nilai  $R^2$  bagi komponen pertama kesejahteraan subjektif, iaitu kepuasan hidup adalah sebanyak 0.324 yang menunjukkan bahawa sebanyak 32.4% varians dalam dimensi kepuasan hidup disumbangkan oleh faktor komitmen keagamaan, harapan terhadap anak, dan sokongan sosial. Penilaian lanjut menunjukkan bahawa  $R^2$  adalah signifikan dan besar berdasarkan panduan penilaian  $R^2$  oleh Cohen (1988). Faktor komitmen keagamaan didapati tidak mempunyai pengaruh yang signifikan ( $\beta = 0.068$ ,  $p > 0.01$ ), manakala dua lagi faktor iaitu harapan terhadap anak ( $\beta = 0.280$ ,  $p < 0.01$ ) dan sokongan sosial ( $\beta = 0.348$ ,  $p < 0.01$ ) didapati mempunyai pengaruh positif yang signifikan ke atas kepuasan hidup.

Bagi dimensi afek positif, nilai  $R^2$  adalah sebanyak 0.218 yang menunjukkan bahawa sebanyak 21.8% varians dalam afek positif disumbangkan oleh faktor komitmen keagamaan, harapan terhadap anak dan sokongan sosial. Nilai  $R^2$  juga menunjukkan nilai yang signifikan dan sederhana. Ketiga-tiga faktor turut didapati mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan ke atas afek positif iaitu, komitmen keagamaan ( $\beta = 0.202$ ,  $p < 0.01$ ), harapan terhadap anak sebagai penyumbang terbesar ( $\beta = 0.236$ ,  $p < 0.01$ ), dan seterusnya sokongan sosial ( $\beta = 0.170$ ,  $p < 0.01$ ). Pengaruh positif yang signifikan ini menunjukkan bahawa komitmen keagamaan, harapan terhadap anak, dan sokongan sosial merupakan faktor yang mampu meningkatkan afek positif dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran.

Dimensi kesejahteraan subjektif yang seterusnya adalah afek negatif. Nilai  $R^2$  sebanyak 0.115 yang dipaparkan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa sebanyak 11.5% varians dalam dimensi afek negatif disumbangkan oleh faktor komitmen keagamaan, harapan terhadap anak dan

**Jadual 1:** Analisis Pengaruh Komitmen Keagamaan, Harapan Terhadap Anak dan Sokongan Sosial ke atas Kesejahteraan Subjektif Ibu Bapa Kanak-Kanak Kurang Upaya Pembelajaran

Dimensi Kesejahteraan Subjektif	Peramal	Beta	Nilai-t	Keputusan Pengujian Hipotesis	R <sup>2</sup>	Kesan Saiz (f <sup>2</sup> )	Q <sup>2</sup>
Kepuasan hidup	Komitmen Keagamaan Harapan Terhadap Anak	0.068	1.320	Tidak disokong	0.324	0.083	0.205
	Sokongan Sosial	0.280**	5.000	Disokong			
		0.348**	5.376	Disokong			
AfeK positif	Komitmen Keagamaan Harapan Terhadap Anak	0.202**	3.509	Disokong	0.218	0.050	0.112
	Sokongan Sosial	0.236**	3.344	Disokong			
		0.170**	2.802	Disokong			
AfeK negatif	Komitmen Keagamaan Harapan Terhadap Anak	-0.041	0.656	Tidak disokong	0.115	0.026	0.046
	Sokongan Sosial	-0.180**	2.646	Disokong			
		-0.195**	3.146	Disokong			

Nota: \*Signifikan pada  $p < 0.05$ ; \*\*Signifikan pada  $p < 0.01$ , Bootstrapping (n=500)

sokongan sosial. Penilaian lanjut menunjukkan bahawa nilai R<sup>2</sup> adalah signifikan namun pada tahap yang kecil. Faktor komitmen keagamaan didapati tidak mempunyai pengaruh yang signifikan ( $\beta = -0.041$ ,  $p > 0.01$ ), manakala dua lagi faktor iaitu harapan terhadap anak ( $\beta = -0.180$ ,  $p < 0.01$ ), dan sokongan sosial sebagai penyumbang terbesar ( $\beta = -0.195$ ,  $p < 0.01$ ) menunjukkan pengaruh negatif yang signifikan ke atas afeK negatif. Pengaruh negatif yang signifikan ini menunjukkan bahawa apabila harapan terhadap anak dan sokongan sosial tinggi, maka afeK negatif yang dialami oleh ibu bapa kanak-kanak kurang upaya turut menurun.

Seterusnya, kesan saiz dinilai berdasarkan panduan Hair et al. (2014) iaitu 0.02, 0.15 dan 0.35 yang masing-masing mewakili kecil, sederhana dan besar. Kesan saiz digunakan untuk menilai impak pembolehubah bebas yang spesifik ke atas pembolehubah terikat. Berdasarkan Jadual 1, nilai-nilai f<sup>2</sup> yang dipaparkan menunjukkan kesan saiz yang

kecil. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesemua pengaruh langsung yang signifikan hanya menunjukkan impak yang kecil.

Prosedur blind folding turut dilakukan bagi menilai predictive relevance (Q<sup>2</sup>) model kajian. Hair et al. (2014) mencadangkan bahawa model kajian mempunyai predictive relevance apabila nilai Q<sup>2</sup> bagi pembolehubah terikat melebihi nilai sifar. Jadual 1 memaparkan nilai Q<sup>2</sup> bagi ketiga-tiga pembolehubah terikat dalam kajian ini. Kesemua nilai Q<sup>2</sup> yang ditunjukkan adalah melebihi nilai sifar iaitu, kepuasan hidup (0.205), afeK positif (0.112) dan afeK negatif (0.046). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesemua pembolehubah terikat mencapai *predictive relevance* yang boleh diterima dalam kajian ini.

## PERBINCANGAN

Kajian ini umumnya bertujuan untuk mengkaji pengaruh faktor komitmen keagamaan, harapan terhadap anak, dan sokongan sosial ke

atas kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Berdasarkan hasil analisis secara keseluruhan, didapati faktor komitmen keagamaan hanya berpengaruh secara signifikan terhadap dimensi afek positif dan tidak signifikan terhadap dimensi kepuasan hidup dan afek negatif. Faktor harapan terhadap anak dan sokongan sosial dalam kajian ini merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran iaitu, kedua-dua faktor menunjukkan pengaruh positif yang signifikan kepada kesejahteraan subjektif yang terdiri daripada kepuasan hidup dan afek positif dan pengaruh negatif yang signifikan terhadap dimensi afek negatif. Secara keseluruhan, hasil kajian ini selari dengan perspektif teori kesejahteraan subjektif bottom-up (Diener, 1984) iaitu, peristiwa-peristiwa positif seperti komitmen keagamaan, harapan terhadap anak dan sokongan sosial adalah antara faktor yang mampu mempengaruhi secara positif kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran.

Hasil analisis pengaruh komitmen keagamaan menunjukkan bahawa faktor komitmen keagamaan mempunyai pengaruh positif yang signifikan hanya terhadap satu dimensi kesejahteraan subjektif iaitu afek positif. Hasil kajian ini mencadangkan bahawa ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran yang mempunyai komitmen keagamaan yang tinggi cenderung mengalami emosi-emosi positif yang lebih baik. Dapatan ini menguatkan lagi kajian kualitatif Kermanshahi et al. (2008) yang melaporkan bahawa, kepercayaan dari sudut agama merupakan sumber yang sangat penting kepada keselesaan dan persepsi yang lebih positif kepada penjaga kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Pengaruh yang kecil namun signifikan antara komitmen keagamaan dan afek positif dalam kajian ini perlu diberikan perhatian sebagaimana ibu bapa yang membesarkan anak khususnya, kanak-kanak kurang upaya pembelajaran berisiko mengalami tekanan seperti yang telah dilaporkan dalam kajian lepas.

Dapatan kajian ini turut mendapati pengaruh yang tidak signifikan antara komitmen keagamaan dan kepuasan hidup. Pengaruh yang tidak konsisten antara komitmen

keagamaan dan kepuasan hidup ini berkemungkinan berkait rapat dengan perbezaan dari segi agama yang digambarkan oleh kepercayaan, praktis dan motivasi agama yang berbeza (Rutledge, 2009), yang mana dalam kajian ini melibatkan responden ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran yang datang daripada pelbagai latar bangsa dan agama. Hasil kajian ini selari dengan beberapa dapatan kajian lepas seperti (Hackney & Sanders, 2003; Hussain, Weisaeth, & Heir, 2010) yang mencadangkan bahawa keagamaan tidak berkait dengan kepuasan hidup yang tinggi. Dalam hal ini, ibu bapa mungkin mempunyai sumber-sumber lain yang lebih mempengaruhi kepuasan hidup dan bukannya faktor komitmen keagamaan.

Komitmen keagamaan juga menunjukkan pengaruh yang tidak signifikan ke atas afek negatif. Hasil kajian ini selari dengan Davis (2016) yang menyatakan bahawa aspek keagamaan tidak mempunyai perkaitan dengan kesejahteraan. Satu kemungkinan bagi hasil kajian yang tidak signifikan ini adalah bahawa ibu bapa melihat kepada emosi negatif dan kesukaran dalam cara yang tidak berkait dengan komitmen keagamaan. Contohnya, dalam kajian ini komitmen keagamaan bukan sumber yang mampu mempengaruhi emosi negatif yang dialami oleh ibu bapa. Selain itu, pengaruh yang tidak signifikan antara komitmen keagamaan dengan kepuasan hidup dan afek negatif dalam dimensi kesejahteraan mungkin juga dapat dikaitkan dengan komitmen keagamaan sama ada sebagai sumber keselesaan atau kekecewaan dalam kehidupan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya. Dapatan ini mengukuhkan lagi beberapa kenyataan yang menyatakan tentang kompleksiti pembolehubah keagamaan ke atas fungsi psikologi, iaitu keagamaan sebagai fenomena yang kompleks dan pelbagai aspek serta mempunyai kaitan yang berbeza terhadap kesihatan dan kesejahteraan subjektif (Ekas et al., 2009; Hackney & Sanders, 2003).

Bagi faktor harapan terhadap anak, hasil kajian mendapati pengaruh yang signifikan kepada ketiga-tiga dimensi kesejahteraan subjektif iaitu pengaruh positif terhadap kepuasan hidup dan afek positif serta pengaruh negatif terhadap afek negatif. Dapatan ini memberikan bukti dan sokongan mengenai kepentingan

harapan terhadap anak dalam mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Seperti mana yang dinyatakan oleh Ogston et al. (2011), ibu bapa yang mampu merancang dan memenuhi harapan mereka, mempunyai prinsip harapan yang lebih tinggi dan kurang menghabiskan masa untuk merasa risau. Hasil kajian ini memberikan sokongan yang signifikan mengenai peranan harapan sebagai motivasi dalaman dan mengurangkan distres psikologi dalam kalangan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya (Ogston et al., 2011; Shenaar-Golan, 2016). Oleh itu, harapan terhadap anak dalam kajian ini secara khususnya membantu ibu bapa menggambarkan masa depan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran yang lebih cerah dengan bertunjangan kebolehan dan kemampuan untuk memikirkan cara alternatif bagi mencapai matlamat yang diingini terhadap anak.

Faktor sokongan sosial juga didapati mempunyai pengaruh yang signifikan kepada kesejahteraan subjektif iaitu pengaruh positif terhadap kepuasan hidup dan afek positif serta pengaruh negatif terhadap dimensi afek negatif. Selari dengan kajian-kajian lepas dalam konteks ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya, dapatan kajian ini menyokong kajian Ostberg dan Hagekull (2000), Russo dan Fallou (2001) serta Sepa et al. (2004) yang menyatakan bahawa, sokongan sosial membantu ibu bapa untuk mengatasi pelbagai tekanan. Dapatan kajian ini juga menyokong kajian Sipal dan Sayin (2013) yang mendapati sokongan sosial sebagai sumber pelindung bagi mengurangkan kemurungan dan juga secara tidak langsung membantu untuk mengekalkan sikap keibubapaan yang lebih positif.

Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan bahawa ibu bapa yang mendapat sokongan sosial yang tinggi mengalami emosi positif yang lebih tinggi dan kurangnya emosi negatif. Selari dengan dapatan kajian Gray (2006), sokongan emosi contohnya daripada keluarga dan rakan didapati berfungsi sebagai salah satu sumber strategi daya tindak yang penting. Kajian ini turut menyokong beberapa kajian lepas yang menyatakan bahawa sokongan sosial dikaitkan dengan penurunan

kemurungan dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya (Benson, 2012; Dunn et al., 2001; Ekas et al., 2010; Smith et al., 2001). Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi hasil kajian yang mencadangkan sokongan sosial sebagai faktor penting untuk membantu ibu bapa, terutama dalam melindungi ibu bapa kanak-kanak kurang upaya daripada mengalami tekanan yang tinggi (Crnic & Low, 2002).

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, komitmen keagamaan merupakan antara aspek yang dapat membina emosi positif dan membolehkan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran mengalami kesejahteraan emosi yang lebih baik. Memahami bagaimana keagamaan membantu ibu bapa kanak-kanak kurang upaya untuk berdaya tindak dalam pelbagai cabaran yang dialami dapat menyediakan laluan ke arah meningkatkan lagi program-program berasaskan keluarga kanak-kanak kurang upaya di masa hadapan.

Harapan terhadap anak juga didapati sebagai faktor yang mempengaruhi secara positif kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Oleh itu, dengan maklumat sedemikian, ibu bapa dapat dibantu dengan memberikan pendedahan, maklumat, atau mendidik ibu bapa mengenai laluan atau cara-cara yang boleh dilakukan untuk mencapai matlamat ibu bapa terhadap anak sesuai dengan ketidakupayaan yang dialami anak. Pengetahuan yang lebih banyak dalam mencapai harapan ibu bapa terhadap anak ini dapat meningkatkan lagi kesejahteraan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya. Selain itu, sumber sokongan sosial contohnya daripada keluarga, rakan dan juga orang lain yang terdekat kepada ibu bapa boleh menjadi sumber sokongan yang penting kepada kesejahteraan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya.

Secara keseluruhan, harapan pengkaji agar maklumat mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya seperti komitmen keagamaan, harapan terhadap anak, dan sokongan sosial ini dapat membantu



memfokuskan perhatian ke atas pembolehubah-pembolehubah psikologi yang penting kepada kesejahteraan. Hai ini adalah relevan serta selari dengan usaha kerajaan Malaysia untuk meningkatkan lagi kesejahteraan masyarakat.

### LIMITASI DAN SARANAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada pergantungan ke atas data yang dikumpul pada satu titik masa. Meskipun hasil kajian ini menunjukkan nilai yang signifikan, namun dapatan ini tidak boleh mengandaikan sebarang jenis sebab akibat. Kesemua pengaruh dan arah yang dipaparkan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada hipotesis kajian yang dibentuk dengan menguji hanya satu model hipotesis, dan pengaruh alternatif mungkin menjelaskan hasil kajian ini. Contohnya, ibu bapa yang mempunyai kesejahteraan subjektif yang tinggi mungkin lebih berkemampuan untuk mendapatkan sokongan sosial yang lebih baik, yang juga disebut sebagai faktor top-down dalam teori kesejahteraan subjektif. Oleh kerana itu, maka perubahan dalam aspek kesejahteraan subjektif ibu bapa juga tidak dapat dikenal pasti. Justeru itu, kajian selanjutnya digalakkan untuk

### KESIMPULAN

Ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya merupakan antara kumpulan sasaran dasar yang relevan untuk dikaji bagi menentukan kesejahteraan sesebuah negara. Dengan adanya kajian seumpama ini, pihak-pihak yang terlibat dengan pembangunan keluarga dapat mengetahui sama ada ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya menjalani kehidupan yang sejahtera ataupun sebaliknya. Kajian ini merupakan antara langkah pertama dalam memahami sifat faktor-faktor seperti komitmen keagamaan, harapan terhadap anak, dan sokongan sosial dalam mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Selain memberi sumbangan dari segi bidang ilmu, diharapkan hasil kajian ini dapat digunakan sebagai panduan yang berguna kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti golongan kaunselor keluarga, pekerja sosial, guru-guru dan masyarakat secara umumnya untuk membantu dan lebih memahami keperluan keluarga yang membesarkan kanak-kanak

mendapatkan data longitudinal bagi mengetahui corak dan perubahan dalam aspek kesejahteraan subjektif ibu bapa. Disamping itu, pengkaji selanjutnya disarankan untuk menguji model alternatif dan mengambil kira kumpulan perbandingan yang merangkumi ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya, termasuklah perhatian kepada kepelbagaian sub kumpulan berdasarkan agama atau denominasi.

Hasil kajian ini mencadangkan usaha yang berterusan terutama dalam isu-isu yang melibatkan kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran dalam pelbagai latar demografi termasuklah ciri-ciri ibu bapa dan kanak-kanak kurang upaya. Dapatan dalam kajian ini menekankan kepentingan faktor-faktor seperti komitmen keagamaan, harapan terhadap anak, dan sokongan sosial sebagai faktor yang mampu mempengaruhi secara positif kesejahteraan subjektif ibu bapa. Oleh itu, aspek-aspek positif ini tidak seharusnya diketepikan, tetapi perlu dilihat sebagai salah satu aspek pertumbuhan positif dan juga sebagai cara yang membolehkan ibu bapa berkembang melalui pengalaman yang unik.

kurang upaya. Dengan peningkatan kanak-kanak kurang upaya khususnya kanak-kanak kurang upaya pembelajaran, mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa adalah antara usaha yang mungkin berkesan untuk membantu ibu bapa agar dapat mewujudkan aspek penjagaan yang lebih efektif kepada kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan pembelajaran.

### PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) atas kelulusan dan kebenaran yang diberikan untuk menjalankan kajian melalui sekolah-sekolah menengah pendidikan khas integrasi di Sabah. Jutaan terima kasih juga ditujukan khasnya buat ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran sebagai sumber inspirasi dan maklumat yang telah meluangkan masa dan tenaga secara sukarela dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Benson, P. R. (2012). Network characteristics, perceived social support, and psychological adjustment in mothers of children with autism spectrum disorder. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 42(12): 2597-2610.
- Boyd, B. A. (2002). Examining the relationship between stress and lack of social support in mothers of children with autism. *Focus on Autism & Other Developmental Disabilities* 17, (4): 208-215.
- Brown, I., Anan, S., Alan Fung, W. L., Isaac, B., & Baum, N. (2003). Family quality of life: Canadian results from an international study. *Journal of Developmental & Physical Disabilities*, 15(3): 207-230.
- Chelsea, W., Liz, O., & Patrick, B. (2013). Dimensions of religiousness that influence parenting. *Psychology of Religion & Spirituality*, 5(3): 182-191.
- Cohen L. S. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Cooke, J. E. (2010). Hope, Optimism, stress, and social support in parents of children with intellectual disabilities. Tesis PhD. University of Southern Mississippi.
- Crnic K.A. & Low C. (2002). Everyday stresses and parenting. In Bornstein M, editor. *Handbook of Parenting, Volume 5, Practical issues in parenting*. 2nd. pp. 243-267. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Crnic, K. A., Gaze, C., & Hoffman, C. (2005). Cumulative parenting stress across the preschool period: Relations to maternal parenting and child behavior at age 5. *Infant & Child Development*, 14(2): 117-132.
- Davis III, R. F. (2016). Religious coping by mothers of children with autism (Doctoral dissertation, Wake Forest University).
- Deris, A. R. (2006). Social supports among parents of children recently diagnosed with autism: Comparison between mothers and fathers. Tesis Phd. University of New Orleans.
- Diener, E. (1984). Subjective well-being. *Psychological Bulletin*, 95, 542-575.
- Diener, E., Diener, M., & Diener, C. (1995). Factors predicting the subjective well-being of nations. *Journal of Personality & Social Psychology*, 69(5): 851.
- Dollahite, D. C. (2003). Fathering for eternity: Generative spirituality in Latter-day Saint fathers of children with special needs. *Review of Religious Research*, 237-251.
- Dunn, M. E., Burbine, T., Bowers, C. A., & Tantleff-Dunn, S. (2001). Moderators of stress in parents of children with autism. *Community Mental Health Journal*, 37(1): 39-52.
- Ekas, N. V., Lickenbrock, D. M., & Whitman, T. L. (2010). Optimism, social support, and well-being in mothers of children with autism spectrum disorder. *Journal of Autism & Developmental Disorders*, 40(10): 1274-1284.
- Ekas, N. V., Whitman, T. L., & Shivers, C. (2009). Religiosity, spirituality, and socioemotional functioning in mothers of children with autism spectrum disorder. *Journal of Autism & Developmental Disorders*, 39(5): 706-719.
- Ellison, C. G., Gay, D. A., & Glass, T. A. (1989). Does religious commitment contribute to individual life satisfaction? *Social Forces*, 68(1): 100-123.
- Faciane, K. (2015). The effect of religiosity on parenting a child with autism spectrum disorder. Tesis Phd. Texas Christian University Fort Worth, Texas.
- Fuentes, C. J. (2012). Satisfaction with life for parents of children with autism. Tesis PhD. Alliant International University.
- Galek, K., Flannelly, K. J., Ellison, C. G., Siltan, N. R., & Jankowski, K. R. (2015). Religion, meaning and purpose, and mental health. *Psychology of Religion & Spirituality*, 7(1): 1.
- Gallagher, S., & Hannigan, A. (2014). Depression and chronic health conditions in parents of children with and without developmental disabilities: The growing up in Ireland cohort study. *Research in Developmental Disabilities*, 35(2): 448-454.
- Glidden, L. M., & Schoolcraft, S. A. (2003). Depression: its trajectory and correlates in mothers rearing children with intellectual disability. *Journal of Intellectual Disability Research*, 47: 250-263.
- Gray, D. E. (2006). Coping Over time: The parents of children with autism. *Journal*

- of Intellectual Disability Research, 50: 970-976.
- Ha, J. H., Greenberg, J., & Seltzer, M. M. (2011). Parenting a child with a disability: The role of social support for African American parents. *Families in Society: The Journal of Contemporary Social Services*, 92(4), 405-411.
- Hackney, C. H., & Sanders, G. S. (2003). Religiosity and mental health: A meta-analysis of recent studies. *Journal for The Scientific Study of Religion*, 42(1): 43-55.
- Hair, J. F., Sarstedt, M., Hopkins, L., & G. Kuppelwieser, V. (2014). Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM) An emerging tool in business research. *European Business Review* 26(2): 106-121.
- Hasnah, T., Virawaty, Y., Mohd. Hanafi, M. Y., & Wan Nazilah, W. M. Z. (2013). Support for parents of children with disabilities in Malaysia. *The Social Sciences*, 8(2), 213-219.
- Hastings, R. P., Kovshoff, H., Ward, N. J., Degli Espinosa, F., Brown, T., & Remington, B. (2005). Systems analysis of stress and positive perceptions in mothers and fathers of pre-school children with autism. *Journal of Autism & Developmental Disorders*, 35(5): 635-644.
- Heiman, T., & Berger, O. (2008). Parents of children with Asperger syndrome or with learning disabilities: Family environment and social support. *Research in developmental disabilities*, 29(4), 289-300.
- Horton, T. V., & Wallander, J. L. (2001). Hope and social support as resilience factors against psychological distress of mothers who care for children with chronic physical conditions. *Rehabilitation Psychology*, 46(4): 382-399.
- Hussain, A., Weisaeth, L., & Heir, T. (2011). Changes in religious beliefs and the relation of religiosity to posttraumatic stress and life satisfaction after a natural disaster. *Social Psychiatry & Psychiatric Epidemiology*, 46(10): 1027-1032.
- Isa, S. N. I., Aziz, A. A., Ab Rahman, A., Ibrahim, M. I., Ibrahim, W. P. W., Mohamad, N., & Van Rostenberghe, H. (2013). The impact of children with disabilities on parent health-related quality of life and family functioning in Kelantan and its associated factors. *Journal of Developmental & Behavioral Pediatrics*, 34(4): 262-268.
- Kashdan, T. B., Pelhan, W. E., Lang, A. R., Hoza, B., Jacob, R. G., Jennings, J. R., Blumenthal, J. D., & Gragy, E. M. (2002). Hope and optimism as human strengths in parents of children with externalizing disorders: Stress is in the eye of beholder. *Journal of Social & Clinical Psychology*, 21(4): 441-486.
- Kermanshahi, S. M., Vanaki, Z., Ahmadi, F., Kazemnejad, A., & Azafalah, P. (2008). Children with learning disabilities: A phenomenological study of the lived experiences of Iranian mothers. *International Journal of Qualitative Studies on Health & Well-Being*, 3: 18-26.
- Lineker, T., Ferlis, B., & Nurul Hudani, M. N. (2016). Campuran kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya fizikal di luar Bandar Sabah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2): 61-73.
- Lloyd, T. J. & Hastings, R. (2009). Hope as a psychological resilience factor in mothers and fathers of children with intellectual disabilities. *Journal of Intellectual Disability Research*, 53: 957-968.
- Lundy, H. F. (2011). Parental stress, socioeconomic status, satisfaction with service, and family quality of life among parents of receiving special education services. Tesis PhD. Georgia State University.
- Mailick, S. M., Greenberg, J. S., Floyd, F. J., Pettee, Y., & Hong, J. (2001). Life course impacts of parenting a child with a disability. *American journal on mental retardation*, 106(3), 265-286.
- Monsson, Y. (2010). The effects of hope on mental health and chronic sorrow in parents of children with autism spectrum disorder. Tesis PhD. University of Kansas.
- Nelson, S. K., Kushlev, K., & Lyubomirsky, S. (2014). The pains and pleasures of parenting: When, why, and how is parenthood associated with more or less well-being?. *Psychological Bulletin*, 140(3): 846.
- Norizan, A., & Shamsuddin, K. (2010). Predictors of parenting stress among Malaysian mothers of children with Down

- syndrome. *Journal of Intellectual Disability Research*, 54(11): 992-1003.
- Ogston, P. L., Mackintosh, V. H., & Myers, B. J. (2011). Hope and worry in mothers of children with an autism spectrum disorder or Down syndrome. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 5(4): 1378-1384.
- Ostberg, M., & Hagekull, B. (2000). A structural modeling approach to the understanding of parenting stress. *Journal of Clinical Child Psychology*, 29: 615-625.
- Plant, K. M., & Sanders, M. R. (2007). Predictors of care-giver stress in families of preschool aged children with developmental disabilities. *Journal of Intellectual Disability Research*, 51: 109-124.
- Poston, D. J., & Turnbull, A. P. (2004). Role of spirituality and religion in family quality of life for families of children with disabilities. *Education and Training in Developmental Disabilities*, 95-108.
- Resch, J. A., Mireles, G., Benz, M. R., Grenwelle, C., Peterson, R., & Zhang, D. (2010). Giving parents a voice: A qualitative study of the challenges experienced by parents of children with disabilities. *Rehabilitation Psychology*, 55(2): 139-150.
- Richardson, E. W., & Stoneman, Z. (2015). The road to membership: the role of resilience in seeking and maintaining membership in a faith community for families of children with disabilities. *Journal of Disability & Religion*, 19(4): 312-339.
- Russo, T. J., & Fallon, M. A. (2001). Helping military families who have a child with a disability cope with stress. *Early Childhood Education Journal*, 29(1): 3-8.
- Sawyer, M. G., Bittman, M., La Greca, A. M., Crettenden, A. D., Harchak, T. F., & Martin, J. (2010). Time demands of caring for children with autism: What are the implications for maternal mental health?. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 40(5): 620-628.
- Schoeder, C. E., & Remer, R. (2007). Perceived social support and caregiver strain in caregivers of children with Tourette's Disorder. *Journal of Child and Family Studies*, 16(6), 888-901.
- Seligman, M. E. P. (2002). *Athentic happiness*. New York, NY: The Free Press.
- Sepa, A., Frodi, A., & Ludvigsson, J. (2004). Psychosocial correlates of parenting stress, lack of support and lack of confidence/security. *Scandinavian Journal of Psychology*, 45: 169-179.
- Shechtman, Z., & Gilat, I. (2005). The effectiveness of counseling groups in reducing stress of parents of children with learning disabilities. *Group Dynamics: Theory, Research & Practice*, 9(4): 275.
- Shenaar-Golan, V. (2016). The Subjective Well-Being of Parents of Children with Developmental Disabilities: The Role of Hope as Predictor and Fosterer of Well-Being. *Journal of Social Work In Disability & Rehabilitation*, 15(2): 77-95.
- Sipal, R. F., & Sayin, U. (2013). Impact of perceived social support and depression on the parental attitudes of mothers of children who are deaf. *Journal of Child and Family Study* 21: 1103-1111.
- Smith, G. L. (2000). Parent involvement and satisfaction in the education of children with specific learning disabilities. Tesis PhD. University of California, Riverside.
- Smith, T. B., Oliver, M. N. I., & Innocenti, M. S. (2001). Parenting stress in families of children with disabilities. *American Journal of Orthopsychiatry*, 71(2): 257-261.
- Snyder, C. R., Harris, C., Anderson, J. R., Holleran, S. A., Irving, L. M., Sigmon, S. T., & Harney, P. (1991). The will and the ways: development and validation of an individual-differences measure of hope. *Journal of Personality & Social Psychology* 60(4): 570.
- Watson, D., Clark, L. A., & Tellegen, A. (1988). Development and validation of brief measures of positive and negative affect: The PANAS scales. *Journal of Personality and Social Psychology*, 54(6): 1063-1070.
- Weiss, M. J. (2002). Hardiness and Social Support as Predictors of Stress in Mothers of Typical Children, Children with Autism, and Children with Mental Retardation. *Autism: The International Journal of Research and Practice*, 6(1), 115-30.
- Weisner, T. S., Beizer, L., & Stolze, L. (1991). Religion and families of children with

- developmental delays. *American Journal on Mental Retardation*, 95(6): 647-662.
- Wong, P. T. (2011). Positive psychology 2.0: Towards a balanced interactive model of the good life. *Canadian Psychology/Psychologie Canadienne*, 52(2): 69.
- Worthington Jr, E. L., Wade, N. G., Hight, T. L., Ripley, J. S., McCullough, M. E., Berry, J. W., ... & O'connor, L. (2003). The Religious Commitment Inventory--10: Development, refinement, and validation of a brief scale for research and counseling. *Journal of Counseling Psychology*, 50(1), 84.
- Zimet, G. D., Dahlem, N. W., Zimet, S. G. & Farley, G. K. (1988). The Multidimensional Scale of Perceived Social Support in urban adolescents. *American Journal of Community Psychology*, 28: 391-400.